

PEMERDAGANGAN WANITA INDONESIA DAN KESELAMATAN INSAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

(TRAFFICKING OF INDONESIAN WOMEN AND HUMAN SECURITY IN MALAYSIA: A
PRELIMINARY REVIEW)

RAHMAN, R.^{1*} – RAHAMAN, M. A. A.¹ – DZAHID, M. Z. M.² – HALIM, H.¹ – ABDULLAH, M. H.¹ –
HAMZAH, S.¹ – ISMAIL, F.³ – KOESWARA, H.⁴

¹ *Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor,
Malaysia.*

² *Pejabat Strategik Nasional, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran,
Kementerian dalam Negeri, Putrajaya, Malaysia.*

³ *Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor,
Malaysia.*

⁴ *Fakultas Ilmu Sosial dan Politik, Universitas Andalas, Padang, Indonesia.*

**Corresponding author
e-mail: riki[at]uthm.edu.my*

(Received 22nd April 2024; revised 17th June 2024; accepted 25th June 2024)

Abstrak. Pemerdagangan wanita untuk tujuan eksploitasi secara seksual dilihat agak membimbangkan. Ia boleh dikategorikan sebagai jenayah yang boleh menjejaskan wanita dari segi fizikal dan mental. Kajian ini bertujuan untuk meneroka isu eksploitasi seksual yang dihadapi oleh wanita Indonesia di Malaysia dan untuk mengenal pasti punca utama pemerdagangan wanita Indonesia yang dipaksa melacur di Malaysia. Melalui kaedah kualitatif, data dikumpulkan menerusi temubual dengan pihak berisiko menjadi mangsa dan pakar keselamatan insan. Data juga dikumpulkan melalui sumber rujukan lain seperti buku, jurnal dan sumber internet yang dipercayai. Hasil kajian menunjukkan bahawa wanita Indonesia sering menjadi mangsa eksploitasi seksual yang melibatkan pemerdagangan manusia. Puncanya adalah disebabkan faktor ekonomi. Keselamatan insan terjejas oleh kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan perlindungan yang memadai ke atas mereka. Kajian ini mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, memperkasa undang-undang, dan meningkatkan kerjasama antarabangsa bagi melindungi hak dan keselamatan wanita Indonesia di Malaysia.

Katakunci: *pemerdagangan, eksploitasi seksual, wanita Indonesia, keselamatan insan, Malaysia*

Abstract. The trafficking of women for the purpose of sexual exploitation is seen as rather concerning. It can be categorized as a crime that can disrupt women both physically and mentally. This study aims to explore the issue of sexual exploitation faced by Indonesian women in Malaysia and its impact on human security. Using qualitative methods, data was collected through interviews with victims and human security experts. Data was also gathered through other references such as books, journals, and trusted internet sources. The study results indicate that Indonesian women are often victims of sexual exploitation involving human trafficking. It is caused by economic factors. Human security is compromised by the inadequacy of the legal system and protection to the victims. This study proposes that the government should take steps to increase public awareness, empower the law, and enhance international cooperation to protect the rights and safety of Indonesian women in Malaysia.

Keywords: *trafficking, sexual exploitation, Indonesian women, human security, Malaysia*

Pengenalan

Pemerdagangan wanita yang dijadikan objek seksual merupakan satu bentuk ancaman rentas sempadan yang mengancam keselamatan negara dan keselamatan insan. Eksploitasi wanita dalam bentuk seksual merupakan antara kes yang tertinggi berbanding penjualan organ, bayi dan kanak-kanak. Menurut laporan Global Report on Trafficking in Persons tahun 2022 UNODC (United Nations Office on Drugs and Crime), daripada 51,675 mangsa pemerdagangan manusia daripada 166 negara, 38.7% adalah wanita yang dieksploitasi secara seksual. Kes ini hampir sama dengan jumlah mangsa yang diperdagangkan sebagai buruh paksa, iaitu 38.8% (UNODC, 2022). Statistik ini menunjukkan bahawa pemerdagangan dan eksploitasi seksual terhadap wanita adalah sangat tinggi dan membimbangkan. Pemerdagangan manusia adalah satu bentuk perhambaan moden (Hart, 2009). Individu yang dipaksa untuk bekerja tanpa mengira waktu, tanpa menerima pampasan yang adil juga disebut sebagai pemerdagangan manusia dalam konteks buruh pakasa (Cullen-DuPont, 2009). Kebanyakan mangsa pemerdagangan manusia berasal dari kawasan dan negara yang miskin. Jenayah pemerdagangan manusia boleh memberikan impak negatif kepada negara dan memberi keuntungan yang besar kepada kumpulan sindiket di rantau seperti Asia Tenggara, Jepun, China, dan India (Shelley, 2010). Pemerdagangan manusia berlaku disebabkan oleh kerakusan manusia untuk mendapatkan keuntungan yang pantas dan mudah (Marshall dan Thatun, 2015), kemiskinan (Jones et al., 2011), ketidakstabilan ekonomi (Banović dan Bjelajac, 2012), konflik dalaman dalam sebuah negara (Clark, 2003), pengetahuan dan kemahiran yang terhad (Jones et al., 2011), dan pengangguran (Banović dan Bjelajac, 2012).

Pemerdagangan wanita, khususnya dari Indonesia, telah menjadi isu yang mendesak di Malaysia selama bertahun-tahun. Wanita Indonesia yang rentan terhadap pengeksploitasian seksual di Malaysia telah menimbulkan kebimbangan tentang keselamatan mereka di negara ini. Dalam konteks Malaysia, pemerdagangan manusia ditakrifkan oleh Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 sebagai segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang (Laws of Malaysia, 2014). Isu pemerdagangan manusia membawa pelbagai kesan buruk kepada negara dan melibatkan keselamatan insan. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia juga dikenali sebagai negara transit, destinasi dan negara sumber bagi jenayah pemerdagangan wanita. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dalam menangani isu ini, seperti menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang, penguatkuasaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan wanita. Walaubagaimanapun, eksploitasi dan pemerdagangan wanita bagi tujuan hamba pelacuran masih lagi berlaku secara berleluasa.

Secara umumnya, kes-kes pemerdagangan manusia dilihat meningkat saban tahun. Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri terdahulu, Fauzi Md Isa, menyatakan bahawa menurut data, kes yang dilaporkan telah meningkat secara drastik berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. "Kita melihat trend meningkat dalam kes pemerdagangan manusia dengan 115 kes dilaporkan pada 2021, berbanding 17 pada 2008," katanya. Beliau menambah bahawa statistik dari Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)

menunjukkan antara 2015 sehingga Jun 2022, terdapat 1,972 kes dilapor, manakala 2,902 individu ditahan susulan kaitan dengan kes berkenaan (Free Malaysia Today Web Portal, 2022). Pemerdagangan melibatkan pengambilan beberapa wanita asing yang kononnya untuk bekerja yang sah di restoran, hotel, dan salun kecantikan di Malaysia, atau untuk perkahwinan yang diatur, tetapi sebaliknya memaksa mereka bekerja sebagai pelacur komersial. Pelarian, pencari suaka dan individu tanpa kerakyatan yang tidak mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang sah di Malaysia juga terdedah kepada pemerdagangan seks dan buruh paksa. Kesemua mereka dipaksa untuk terlibat dalam seks komersial (Kedutaan AS di Malaysia, 2022). Kajian ini merupakan pendedahan awal pemerdagangan manusia yang memfokuskan kepada kes pemerdagangan wanita untuk eksploitasi seksual. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka isu eksploitasi seksual yang dihadapi oleh wanita Indonesia di Malaysia dan mengenal pasti punca utama pemerdagangan wanita Indonesia yang dipaksa bekerja sebagai pekerja seks di Malaysia.

Sorotan literatur

Kajian terdahulu tentang pemerdagangan manusia dan eksploitasi seksual di Malaysia telah didokumentasikan dengan baik dalam beberapa literatur. Jamil et al. (2012), membincangkan pandangan Islam tentang jenayah pemerdagangan manusia, yang dilihat bertentangan dengan objektif Shariah dan nilai kemanusiaan. Tulisan mereka juga menyelami statistik dan peruntukan undang-undang yang ada di Malaysia bagi mengatasi jenayah ini. Satu kajian oleh Lim (1998) mendapati bahawa wanita Indonesia sering dipikat ke Malaysia untuk dijanjikan pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan. Namun, sebaik tiba di Malaysia mereka dipaksa bekerja sebagai pekerja seks. Ramai daripada wanita ini adalah pendatang tanpa dokumen atau tanpa dokumen yang sah, menjadikan mereka rentan dieksploitasi. Kajian mereka juga mendapati bahawa kelemahan penguatkuasaan undang-undang bagi pekerja migran di Malaysia menyumbang kepada masalah ini. Noorazman and Annuar (2017) membincangkan aspek ancaman terhadap keselamatan insan, yang merupakan isu utama apabila membincangkan peningkatan pemerdagangan wanita dalam sektor perkhidmatan seks komersial di Malaysia. Mereka juga memberi perhatian kepada isu-isu yang menyumbang kepada peningkatan sektor ini, termasuk faktor ekonomi, politik, dan sosial. Adapun kajian Hamzah et al. (2019) memberi tumpuan kepada usaha kerajaan untuk menangani isu pemerdagangan manusia di Malaysia. Mereka membuat kesimpulan bahawa kerajaan telah mengambil pelbagai usaha bagi menangani isu ini. Bagaimanapun, penguatkuasaan perlu diperkukuhkan untuk mengelakkan isu berulang. Izani et al. (2021) mengkaji penderitaan mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia. Mereka mendapati bahawa mangsa pemerdagangan mengalami penderitaan fizikal, mental, dan spiritual, terutamanya semasa tempoh mereka diperdagangkan. Hasil kajian mereka mencadangkan penubuhan pelan tindakan khas untuk mencegah pemerdagangan manusia, meningkatkan kesedaran awam, dan memerangi jenayah ini dengan lebih mantap, padu dan sistematik.

Arnakim and Zulhadis (2021) mengkaji respons kerajaan Malaysia terhadap jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia dari 2010 hingga 2015. Mereka menyatakan bahawa kerajaan telah memperkenalkan dasar-dasar khusus untuk memerangi pemerdagangan manusia. Dasar yang berkaitan dengan isu pemerdagangan manusia ini adalah penting dalam menilai sejauh mana kerajaan bekerja dan berusaha untuk mengekang jenayah rentas sempadan ini. Menurut mereka, penguatkuasaan undang-

undang oleh agensi penguatkuasa merupakan tindak balas atau tindakan yang timbul dari dasar-dasar yang ditetapkan oleh kerajaan. Dengan kerjasama yang ditubuhkan melalui Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), agensi penguatkuasaan ini dilihat mempunyai kekuatan dan kapasiti untuk membantu satu sama lain dalam memperkasa dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemerdagangan manusia. Dari kajian literatur di atas disimpulkan bahawa belum ada kajian yang bersifat khusus mengkaji dan menganalisis isu pemerdagangan wanita Indonesia yang dijadikan hamba seks dan kaitannya dengan keselamatan insan. Kalaupun ada, kajian tersebut telah melebihi tempoh 5 tahun di mana corak dan keperluannya berbeza dengan situasi sekarang.

Konsep

Keselamatan insan pertama kali digunakan dalam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) oleh Setiausaha Agungnya ketika itu ialah Boutros-Boutros Ghali di dalam laporan bertajuk *Agenda for Peace* (1992). Konsep ini menjadi isu perdebatan sejak pertama kali muncul dan digunakan dalam *Human Development Report* (HDR) 1994, bertajuk 'A New Dimension on Human Security' (Mat et al., 2018). Isu keselamatan bukan sahaja ditumpukan kepada peperangan dan mempertahankan negara tetapi sepatutnya keselamatan juga ditumpukan kepada insan kerana insan boleh memberi dan menerima kesan daripada akibat isu keselamatan negara, rantau dan global (Noorazman and Annuar, 2017). Terdapat beberapa ciri penting yang memberikan identiti terhadap konsep keselamatan insan. Pertama, konsep keselamatan insan adalah bersifat universal, pelbagai dimensi (multi-dimensional). Konsep keselamatan insan juga berciri multi-dimensi kerana ia menawarkan pendekatan yang bersepadu dan penganalisaan yang merentasi sempadan bidang ilmu sebagai alternatif kepada pendekatan tradisi yang bersifat sektoral, terpisah kepada sektor-sektor tertentu yang spesifik seperti keselamatan, pembangunan, hak asasi manusia dan keamanan. Kedua, komponen keselamatan insan ialah saling bergantung. Ia merujuk kepada situasi di mana penduduk di lokasi yang berbeza adalah saling memerlukan di antara satu sama lain. Sebagai contoh, jika penduduk di sesuatu tempat mengalami bencana, penduduk di negara-negara lain juga akan merasai tempiasnya seperti seperti isu-isu kebuluran, penyebaran wabak penyakit, pencemaran alam sekitar, kemelesetan ekonomi dan ancaman penganas (Mat et al., 2018).

Ketiga, keselamatan insan lebih mudah ditangani melalui pencegahan awal. Dalam bentuk polisi, pihak pemerintah seharusnya menggubal polisi yang boleh menjamin kesejahteraan rakyat sejak dari awal sebelum merebak. Keempat, ia berorientasi manusia, iaitu memberi tumpuan kepada keselamatan individu atau komuniti (Mat et al., 2018). Keselamatan insan lebih menumpukan kepada aspek kualiti hidup atau mendahulukan rakyat daripada negara, atau dalam kata lain keselamatan negara bergantung kepada keselamatan insan. Hal ini kerana jika insan tidak selamat maka ia akan memberi kesan kepada negara (Daud and Othman, 2005). Konsep keselamatan insan meletakkan negara sebagai alat atau mekanisme untuk membolehkan objektif keselamatan individu dicapai (Mat et al., 2018). Dengan menggunakan pendekatan keselamatan insan yang bercorak kepada ciri-ciri universaliti, kebergantungan, pencegahan dan berorientasi kemanusiaan, kajian ini diharap akan memberikan impak kepada pihak kerajaan, khususnya agensi-agensi yang berada di bawah MAPO dan NGO bagi memantapkan lagi strategi, mekanisme dan usaha dalam mencegah pemerdagangan orang dan pelacuran di Malaysia. Kajian ini juga sangat penting bagi

menyelamatkan insan bernama wanita bagi menjaga martabat, hak dan kebebasan mereka daripada dibelenggu oleh perhambaan seks.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan mengambil kira penyelidikan dan literatur sedia ada tentang eksploitasi seksual wanita Indonesia di Malaysia. Data dibahagikan kepada data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada temu bual separa berstruktur. Kaedah temu bual dipilih kerana ia dapat memberikan maklumat yang diinginkan kepada penyelidik dengan lebih jelas. Temu bual yang dijalankan menyediakan soalan-soalan kualitatif yang ditujukan kepada informan. Soalan-soalan ini berfungsi sebagai panduan untuk temu bual terbuka yang hanya merangkumi soalan utama. Ini membolehkan kemungkinan untuk membangunkan soalan-soalan seterusnya yang lebih mendalam yang mungkin timbul semasa temu bual. Temu bual dijalankan dalam bahasa Melayu dan Indonesia kerana latar belakang mangsa semuanya daripada Indonesia. Informan terdiri daripada tiga wanita yang menjadi mangsa pemerdagangan dan telah dipaksa menjadi pelacur di kawasan Lembah Klang. Penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti informan dan lokasi mereka berada menerusi platform media sosial. Kajian ini menggunakan istilah “pihak berisiko menjadi mangsa” bagi merujuk mereka yang menjadi “mangsa” secara praktikalnya. Ini kerana istilah mangsa hanya boleh dilekatkan kepada mereka yang telah dibicarakan di mahkamah dan hakim mendapati bahawa mereka adalah mangsa. Kajian ini tidak melibatkan mangsa pemerdagangan yang telah diselamatkan oleh kerajaan Malaysia. Ini bertujuan untuk mengkaji keadaan sebenar dari peristiwa yang dialami oleh mangsa yang dipekerjakan sebagai pekerja seks. Oleh itu, dalam kajian awal ini, para penyelidik memilih untuk menemubual mangsa yang masih bekerja sebagai hamba seks, khususnya di kawasan Lembah Klang. Kawasan Lembah Klang dipilih sebagai lokasi penyelidikan kerana ia merupakan tempat berpuluh-puluh rumah urut dan tempat pelacuran. Dalam satu laporan pada tahun 2022, Polis Selangor telah menyerbu beberapa premis pelacuran di Kawasan Lembah klang dengan menahan 1,059 individu dalam serbuan dari Januari 2022 hingga Disember 2022 (Astro Awani, 2022).

Untuk memudahkan proses temu bual, penyelidik berpura-pura sebagai pelanggan di premis mereka. Walau bagaimanapun, sesi temu bual tidak dapat dirakam kerana wujud kebimbangan bahawa mangsa mungkin tidak bersedia untuk mendedahkan identiti mereka dan menceritakan keadaan sebenar. Bagaimanapun, hasil temu bual direkodkan dalam sebuah nota yang disimpan dalam telefon bimbit pada setiap akhir sesi temu bual. Proses pengumpulan data untuk temu bual bermula pada Mei 2023 dan berterusan sehingga Ogos 2023. Selain itu, pengkaji juga menemubual pakar bidang, iaitu Dr. Nafisah binti Ilham Husin, seorang pensyarah kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau banyak mengkaji tentang pemerdagangan manusia dan eksploitasi seksual. Temu bual dengan pakar bidang adalah diperlukan untuk melihat sudut pandang yang berbeza berkaitan isu pemerdagangan Wanita untuk tujuan pelacuran dan meneroka lebih dalam tentang isu ini khususnya dari aspek akademik secara komprehensif. Temu bual telah dijalankan secara atas talian selama lebih kurang dua (2) jam menerusi platform *Zoom Meeting* pada 22 Mac 2024. Data primer lainnya dikumpulkan menerusi laporan seperti laporan UNODC dan laporan Kedutaan Amerika Syarikat ke Malaysia tentang pemerdagangan orang. Undang-undang Malaysia juga

sebahagian daripada data primer dalam kajian ini. Manakala data sekunder pula dikumpulkan melalui buku, jurnal, dan sumber rujukan internet yang boleh dipercayai.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Sebanyak 3 (tiga) informan wanita terlibat dalam kajian ini, kesemua mereka daripada Indonesia. Dua daripadanya belum berkahwin, manakala seorang lagi adalah balu dan memiliki anak. Mereka berusia antara 25 hingga 29 tahun. Dua daripada mereka berasal daripada Sumatera, dan seorang dari pulau Jawa di Indonesia. Latar belakang informan dapat dilihat sepertimana di *Jadual 1*.

Jadual 1. Latar belakang informan.

Informan	Status perkahwinan	Umur	Negara
Informan 1	Bujang	25	Sumatera, Indonesia
Informan 2	Cerai ada anak	29	Sumatera, Indonesia
Informan 3	Bujang	23	Jawa, Indonesia
Informan 1	Bujang	25	Sumatera, Indonesia

Berdasarkan temu bual, semua informan mengaku bahawa mereka telah direkrut untuk bekerja di Malaysia dengan cara ditipu. Dua informan mengaku bahawa mereka dijanjikan pekerjaan di sebuah Pusat Permainan (*Gaming Centre*), manakala seorang lagi dijanjikan pekerjaan di pusat rawatan SPA. Namun, apabila mereka tiba di Malaysia, apa yang dijanjikan tidak seperti yang diharapkan. Akhirnya, mereka dipaksa untuk bekerja di pusat pelacuran.

"Ketika saya di kampung saya ditawarkan pekerjaan di gaming centre, tetapi setelah sampai sini (Malaysia) ternyata saya ditipu. Saya dipaksa untuk bekerja seperti ini (sebagai pelacur)."

Temu bual dengan informan 1, 24 Mei 2023

"Pada mulanya saya ditawarkan kerja di SPA, bang, tapi dah sampai Malaysia, saya dipaksa untuk bekerja seperti ini (sebagai pelacur)."

Temu bual dengan informan 2, 22 Jun 2023

"Ya bang, di Indonesia, saya dijanjikan bekerja di gaming, tetapi ketika saya tiba di Malaysia, akhirnya kerja begini (pelacur)."

Temu bual dengan informan 3, 3 Ogos 2023

Apabila mereka tiba di Malaysia, mereka bekerja sebagai pelacur di premis pelacuran dan pusat urut yang menawarkan khidmat seks di sekitar Kajang dan Kuala Lumpur. Bayaran yang dikenakan kepada pelanggan untuk satu sesi adalah antara RM80 hingga RM170. Bagi setiap pelanggan, mangsa pemerdagangan ini akan mendapat upah antara RM35 hingga RM60. Pembayaran upah diberikan kepada mereka sekali setiap dua minggu atau sekali sebulan.

"Dari RM170 itu, saya cuma dapat RM60 aja bang. Semua upah yang saya dapat akan dikumpulkan dan dibayar setiap bulan oleh tauke."

Temu bual dengan informan 2, 22 Jun 2023

Hasil temu bual mendapati ada mangsa yang direkrut oleh ejen di Indonesia secara langsung dan ada yang direkrut oleh rakan mereka sendiri yang bertindak sebagai ejen. Ejen dan rakan yang bertindak sebagai ejen inilah yang menipu dan menjual mereka kepada ejen di Malaysia untuk diperhambakan sebagai pekerja seks.

"Saya direkrut dan ditempatkan di sesuatu tempat sebelum dihantar ke Malaysia oleh ejen ini."

Temu bual dengan informan 1, 24 Mei 2023

"Rakan saya menjemput saya ke Malaysia untuk bekerja di pusat gaming. Sampai ke sini (Malaysia) ternyata bekerja seperti ini (sebagai pelacur)."

Temu bual dengan informan 3, 3 Ogos 2023

Sesetengah mangsa dibebani hutang oleh ejen yang merekrut mereka. Ejen di Malaysia membeli mangsa-mangsa ini dari ejen di Indonesia. Apabila mangsa telah dibeli, maka ejen yang membeli mereka (ejen Malaysia) akan meletakkan bayaran pembelian tadi sebagai hutang ke atas diri mangsa yang mana mangsa mesti melunaskan hutang tersebut kepada ejen yang membeli mereka. Hutang yang dibebankan ini pelbagai amaunnya, bermula dari RM2,000 hingga RM6,000. Mereka mengakui bahawa hutang tersebut hanya dapat dilangsaikan dalam tempoh satu tahun atau lebih. Ini kerana pembayaran yang mereka terima untuk setiap pelanggan adalah kecil. Pendapatan mereka bergantung kepada berapa ramai pelanggan yang menginginkan khidmat mereka. Pendapatan itu kemudiannya harus dibahagikan untuk membeli keperluan makan dan minum mereka, di samping sejumlah wang yang harus mereka hantar ke kampung untuk ahli keluarga. Adapun bakinya kemudian untuk membayar hutang kepada ejen mereka.

"Saya berhutang kepada ejen di sini sekitar RM6,000 bang. Ini belum habis bayar, mungkin akan ambil masa satu tahun untuk lunaskan semuanya."

Temu bual dengan informan 1, 24 Mei 2023

"Ejen di Malaysia membeli saya. Jadi saya berhutang RM4,000. Rasanya lebih dari setahun untuk saya dapat bayar semuanya. Sebahagian daripada pendapatan saya di sini saya bayarkan hutang, untuk keperluan hidup saya di sini dan saya menghantarnya kepada anak-anak saya di kampung. Tetapi sekarang dah lunas semuanya bang."

Temu bual dengan informan 2, 22 Jun 2023

Berdasarkan temu bual, dapat disimpulkan bahawa faktor ekonomi merupakan sebab utama mereka datang ke Malaysia. Gaji yang kecil di negara asal dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang baik adalah sebab utama mengapa mereka ingin bekerja di Malaysia. Niat murni dan baik mereka untuk membantu ekonomi ahli keluarga di Indonesia nampaknya telah salah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka dijual dengan sejumlah wang tertentu untuk bekerja sebagai pelacur di Malaysia. Nasib mereka malang. Akhirnya, mereka menyerah kepada situasi ini dan terus bekerja sebagai pelacur, meskipun hutang telah lunas.

"Ya, tuan, susah untuk bekerja di Indonesia, gaji di kilang terlalu murah. Saya ingin bekerja di kilang, tetapi ditipu oleh seorang ejen. Dah bayar sejumlah wang tapi tidak dipanggil untuk bekerja. Sekarang saya ok saja untuk bekerja seperti ini (sebagai pelacur). Kumpul cukup wang dan kemudian saya akan kembali ke kampung dan memulakan perniagaan saya sendiri."

Temu bual dengan informan 1, 24 Mei 2023

"Hutang saya sebenarnya habis dibayar setahun yang lalu bang, tapi saya terus bekerja di sini untuk mengumpul wang dan kalau wang dah cukup, saya mahu pulang ke kampung dan membuka perniagaan saya sendiri di kampung."

Temu bual dengan informan 2, 22 Jun 2023

"Hutang saya dah habis bayar, bang. Tapi saya mahu kumpul wang dahulu. Terus bekerja seperti ini, dan kemudian pulang ke kampung dan memulakan perniagaan saya sendiri."

Temu bual dengan informan 3, 3 Ogos 2023

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan di atas, dapat disimpulkan bahawa mereka telah diperdagangkan dari Indonesia untuk tujuan eksploitasi seksual di Malaysia (*Jadual 2*). Kaedah yang digunakan adalah dengan menipu mereka dengan menjanjikan pekerjaan di pusat permainan dan pusat rawatan SPA. Namun, apabila mereka tiba di Malaysia mereka kemudian dipaksa menjadi pelacur. Mereka juga dibebani dengan sejumlah hutang yang tidak pernah mereka tanggung dan mereka harus membayarnya kepada ejen yang merekrut mereka untuk dibawa ke Malaysia. Mangsa ini akhirnya menyerah dengan keadaan dan terus bekerja sebagai pelacur kerana dibebani hutang dan pada masa yang sama mengekalkan impian untuk membuka perniagaan sendiri dari wang yang mereka dapat dari aktiviti pelacuran tersebut. Jika diringkaskan dari hasil temu bual di atas, ia menunjukkan bahawa faktor ekonomi atau keperluan akan sara hidup adalah alasan utama mengapa mangsa ini ingin bekerja di Malaysia. Menurut Michael (2013), faktor utama yang menyebabkan seseorang meninggalkan negara asal adalah untuk mencari peluang yang lebih baik, seperti berhijrah ke negara berpendapatan tinggi untuk menyokong keluarga di tanah air. Ini disebabkan oleh faktor seperti kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah, keperluan ekonomi, dan keinginan untuk meningkatkan pendapatan. Selain faktor ekonomi, mereka tertarik untuk datang ke Malaysia kerana Malaysia dilihat sebagai negara yang sedang berkembang dengan banyak sektor industri yang dibangunkan di sini. Ini tentu membuka peluang pekerjaan yang lebih luas bagi mangsa, tanpa mereka sedar bahawa sebenarnya mereka telah ditipu.

Jadual 2. Gambaran umum tentang pemerdagangan wanita Indonesia di Malaysia untuk tujuan eksploitasi seks.

Informan	Kaedah Rekrut	Perekrut	Hutang	Faktor
Informan 1	Ditipu	Ejen	RM6,000	Masalah ekonomi
Informan 2	Ditipu	Ejen	RM4,000	Masalah ekonomi
Informan 3	Ditipu	Rakan	Tidak pasti	Masalah ekonomi

Wujudnya elemen penipuan ini yang menjadikan mereka dikategorikan sebagai mangsa pemerdagangan manusia. Meskipun realitinya mereka boleh disebut mangsa,

namun kajian ini memilih menggunakan istilah “pihak berisiko menjadi mangsa” kerana secara undang-undang hanya mahkamah sahaja yang boleh menentukan sama ada mereka ini mangsa atau bukan. Nafisah Ketika ditemu bual menyebutkan, pada masa yang sama, terdapat permintaan tinggi dalam industri pelacuran. Jika ada permintaan, mesti ada penawaran. Ramai pelanggan yang mencari wanita untuk memuaskan kehendak mereka. Oleh kerana permintaan yang tinggi, penyedia perkhidmatan pelacuran terpaksa merekrut wanita dari negara asing, termasuk Indonesia. Dalam laporan pada tahun 2022, Polis Selangor (Lembah Klang) menggempur aktiviti pelacuran dengan menangkap 1,059 individu dalam serbuan dari Januari 2022 hingga Disember 2022. Mereka terdiri daripada 41 lelaki dan 1,018 wanita dari pelbagai kebangsaan, termasuk tempatan. Siasatan mengungkapkan bahawa suspek lelaki yang ditahan dipercayai memainkan peranan sebagai pekerja premis, ejen, atau tukang hantar, manakala penahanan wanita melibatkan GRO, pelacur, dan tukang urut (Astro Awani, 2022). Fakta-fakta ini menunjukkan bahawa aktiviti pelacuran di Malaysia, terutamanya di kawasan Lembah Klang, agak meluas. Di antara ribuan pelacur yang ditangkap oleh polis tersebut, beberapa orang pastinya adalah mangsa pemerdagangan wanita.

Kebanyakan kes melibatkan mangsa pemerdagangan adalah mereka yang bermigrasi secara sukarela dan secara sah ke Malaysia dengan niat untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik daripada di negara asal. Mereka dijanjikan pekerjaan dengan bayaran yang lumayan. Namun, mangsa-mangsa ini sebaliknya dipaksa untuk terlibat dalam pemerdagangan seks (Michael, 2013). Oleh itu, eksploitasi dan pemerdagangan wanita untuk tujuan seks di Malaysia juga dilihat sebagai jenayah rentas sempadan yang melibatkan beberapa negara dalam kumpulan jenayah terancang yang boleh mengancam keselamatan insan dan keselamatan negara secara tidak langsung. Tidak menghairankan bahawa Malaysia kini dikenali sebagai negara destinasi, sumber, dan transit bagi lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang menjadi mangsa buruh paksa dan pemerdagangan seks. Kawalan sempadan yang longgar telah memudahkan sindiket untuk memasuki negara ini dan membawa mangsa masuk (Noorazman and Annuar, 2017), selain dari permintaan tinggi dari pelanggan yang mencari kesenangan bersama pelacur juga faktor penyumbang kepada berlakunya pemerdagangan wanita di negara ini. MAPO telah mengenal pasti 323 kes pemerdagangan manusia yang melibatkan eksploitasi seksual di Malaysia. Kuala Lumpur disenaraikan sebagai kawasan dengan jumlah kes pemerdagangan seks tertinggi, dengan jumlah kes sebanyak 74, diikuti oleh Selangor dengan 58 kes, dan Sabah serta Sarawak dengan masing-masing 39 dan 35 kes. Kebanyakan mangsa berhijrah ke Malaysia dengan ikhlas dan secara sah dengan niat untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik berbanding dengan negara asal mereka. Mereka dijanjikan pekerjaan kontrak bersama pembayaran yang layak. Namun, mangsa akhirnya dieksploitasi sebagai pekerja seks (Michael, 2013). Dalam Laporan Trafficking in Persons (TIP) U.S Department of State tahun 2022, Malaysia dilaporkan masih berada di Tier 3, yang merupakan ranking terendah dalam laporan tersebut. Laporan tersebut mendedahkan bahawa kerajaan gagal memenuhi piawaian minimum dalam usaha menghapuskan pemerdagangan manusia (USDS, 2022). Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan terbaru pada tahun 2023, Malaysia melonjak naik ke peringkat yang lebih baik, iaitu di Tier 2 dalam pemerhatian (USDS, 2023).

Selain itu, kerajaan melalui agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Kastam, dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah memperketatkan operasi penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pelaku yang terlibat dalam jenayah

pemerdagangan manusia. Tambahan pula, kerajaan terus menguatkuasakan kawalan sempadan di semua titik masuk, termasuk 'lalu lintas tikus' (Sinar Harian Web Portal, 2022). Pemerdagangan seks wanita di Malaysia merupakan isu yang mengancam keselamatan insan yang seterusnya telah memberi kesan kepada keselamatan negara. Konsep keselamatan insan yang meletakkan negara sebagai entiti yang berperanan bagi melindungi keselamatan fizikal dan memastikan pembelaan hak-hak kemanusiaan. Keselamatan insan dapat menyediakan asas bagi memperjuangkan hak asasi manusia. Keselamatan insan juga hanya boleh dikekalkan jika hak asasi manusia dapat dikekalkan. Dapatan kajian ini menekankan keperluan mendesak untuk tindakan segera bagi menangani isu eksploitasi wanita Indonesia di Malaysia secara seksual. Penguatkuasaan undang-undang perlindungan bagi pekerja migran perlu diperkukuhkan dan hukuman yang berat ke atas sindiket pemerdagangan manusia perlu dilakukan. Ini kerana kewujudan sindiket ini secara nyata telah memperburuk keadaan wanita-wanita ini kepada jenayah eksploitasi seksual. Isu ini memberikan implikasi yang signifikan terhadap keselamatan insan di negara ini, kerana ia merosakkan hak asasi dan kesejahteraan wanita dan menyumbang kepada suasana yang tidak selamat. Segala kelemahan dalam undang-undang perlu diatasi bagi memastikan kes pemerdagangan wanita untuk tujuan seks tidak berulang.

Pengeksploitasian seksual wanita Indonesia di Malaysia tidak hanya melanggar hak asasi manusia tetapi juga menjejaskan keselamatan manusia secara lebih meluas. Keselamatan insan merangkumi pelbagai isu, termasuk keselamatan ekonomi, keselamatan makanan, keselamatan kesihatan, keselamatan alam sekitar, keselamatan peribadi, keselamatan komuniti, dan keselamatan politik. Keselamatan ekonomi terjejas apabila wanita dipaksa ke dalam industri seks. Sering kali dalam keadaan di mana mereka tidak dibayar atau dibayar sangat sedikit untuk kerja mereka. Perkara ini menyebabkan kitaran kemiskinan dan kerentanan ekonomi. Keselamatan makanan juga terancam, kerana wanita-wanita ini mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pemakanan yang bergizi dan penjagaan kesihatan yang mencukupi. Kesihatan mereka juga terancam oleh kemerosotan fizikal dan psikologi yang mereka alami semasa dieksploitasi. Keselamatan komuniti juga terjejas, kerana pengeksploitasian wanita menyumbang kepada suasana ketakutan dan ketidakamanan dalam komuniti. Keselamatan peribadi wanita-wanita ini secara asasnya dilanggar apabila mereka menjadi mangsa eksploitasi seksual, penderaan fizikal, dan paksaan. Keselamatan komuniti mereka juga terancam, kerana kehadiran sindiket pemerdagangan manusia dan pengeksploitasian wanita menyumbang kepada suasana ketakutan dan ketidakpercayaan dalam komuniti.

Kesimpulan

Kes yang melibatkan pemerdagangan manusia di Malaysia masih lagi wujud. Jika perkara ini tidak diatasi segera, ia akan membawa kepada ancaman keselamatan negara untuk jangka masa yang akan datang. Berdasarkan hasil temu bual dengan informan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa mereka diperdagangkan dari negara asal mereka, iaitu Indonesia, untuk dieksploitasi dan dipaksa menjadi pelacur di premis-premis urut. Punca mereka mahu datang dan bekerja di negara ini adalah disebabkan faktor ekonomi di mana peluang pekerjaan di negara asal adalah kecil dan upah yang sedikit menyebabkan mereka berpusu-pusu datang ke Malaysia. Malangnya, sindiket pemerdagangan wanita sama ada di negara asal mahupun di negara destinasi telah

memanfaatkan keadaan dan situasi mereka yang perlukan peluang pekerjaan di negara ini. Sindiket ini menggunakan kaedah penipuan dalam merekrut mangsa, seperti menjanjikan pekerjaan di pusat-pusat permainan atau pusat rawatan SPA. Hanya setelah mereka tiba di Malaysia mereka sedar bahawa mereka telah ditipu. Pekerjaan yang diberikan kepada mereka tidak seperti yang dijanjikan, dan mereka dibebani dengan hutang yang harus mereka bayar kepada ejen yang merekrut mereka di Malaysia. Pemerdagangan wanita Indonesia untuk tujuan pelacuran di Malaysia merupakan satu isu keselamatan insan yang serius yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Dapatan kajian ini menekankan keperluan penguatkuasaan undang-undang yang lebih kuat bagi pekerja migran dan usaha yang lebih padu untuk memerangi pemerdagangan manusia. Meningkatkan kesedaran masyarakat dan kerjasama antarabangsa perlu diperluaskan. Menangani isu ini adalah penting untuk menjaga hak dan kesejahteraan wanita Indonesia di Malaysia dan untuk meningkatkan keselamatan mereka di rantau ini.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2023/SS08/UTHM/02/1). Penyelidik juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh informan yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Arnakim, L.Y., Zulhadis, M. (2021): Respon kerajaan Malaysia terhadap jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia dari 2010 sampai 2015. – *Sejarah: Journal of History Department* 30(1): 190-214.
- [2] Astro Awani (2022): 1,059 terlibat aktiviti pelacuran di Selangor ditahan. – Astro Awani Web Portal 5p.
- [3] Banović, B., Bjelajac, Ž. (2012): Traumatic experiences, psychophysical consequences and needs of human trafficking victims. – *Vojnosanitetski Pregled* 69(1): 94-97.
- [4] Clark, M.A. (2003): Trafficking in persons: An issue of human security. – *Journal of Human Development* 4(2): 247-263.
- [5] Cullen-DuPont, K. (2009): Human trafficking. – Infobase Publishing 350p.
- [6] Daud, S., Othman, Z. (2005): Politik dan Keselamatan. – Universiti Kebangsaan Malaysia 237p.
- [7] Free Malaysia Today Web Portal (2022): Kes pemerdagangan manusia meningkat, pakar mahu Malaysia lebih bertindak. – Free Malaysia Today Web Portal 6p.
- [8] Hamzah, N.A., Othman, N., Musa, W.A. (2019): Pemerdagangan Manusia di Malaysia: Isu dan Usaha Membanteras. – *International Journal of Law, Government and Communication* 4(15): 130-140.
- [9] Hart, J. (2009): Human trafficking. – The Rosen Publishing Group, Inc. 64p.
- [10] Izani, N.N.M., Hamdan, N., Kasim, A.C., Manap, J. (2021): PENDERITAAN MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG DI MALAYSIA. – *e-BANGI* 18(6): 195-209.

- [11] Jamil, H.M.T.H., Baharudin, A.M.H., Jani, S.H.M. (2012): Pemerdagangan wanita-Pengharmonian perundangan Malaysia menurut perspektif Islam. – Seminar Hasil Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (SHPKPT2012) 20p.
- [12] Jones, L., Engstrom, D., Hilliard, P., Sungakawan, D. (2011): Human trafficking between Thailand and Japan: lessons in recruitment, transit and control. – *International Journal of Social Welfare* 20(2): 203-211.
- [13] Kedutaan AS di Malaysia (2022): Laporan Pemerdagangan Orang 2022. – Kedutaan AS Web Portal 7p.
- [14] Laws of Malaysia (2014): Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling Of Migrants Act 2007. – The Commissioner of Law Revision, Malaysia 59p.
- [15] Lim, L.L. (Ed.) (1998): The sex sector: The economic and social bases of prostitution in Southeast Asia. – International Labour Organization 228p.
- [16] Marshall, P., Thatun, S. (2015): Miles away: the trouble with prevention in the Greater Mekong Sub-region. – In *Trafficking and Prostitution Reconsidered*, Routledge 20p.
- [17] Mat, B., Othman, Z., Omar, M.K. (2018): Anjakan paradigma dalam kajian keselamatan insan di Asia Tenggara. – *Akademika* 88(1): 193-207.
- [18] Michael, S.D. (2013): Human trafficking in Malaysia: Trends and challenges. – In *Proceeding of the Global Conference on Business, Economic and Social Sciences* 12p.
- [19] Noorazman, S.H.A., Annuar, S.N.S. (2017): Pemerdagangan seks wanita di Malaysia: Satu jenayah globalisasi. – *Jurnal Wacana Sarjana* 1(1): 1-19.
- [20] Shelley, L. (2010): *Human trafficking: A global perspective*. – Cambridge University Press 356p.
- [21] Sinar Harian Web Portal (2022): Usaha banteras pemerdagangan manusia perlu penglibatan rakyat. – Sinar Harian Web Portal 14p.
- [22] United Nation Office on Drugs and Crime (UNODC) (2022): *Global Report on Trafficking in Persons 2022*. – United Nations 186p.
- [23] US Department of State (USDS) (2023): *2023 Trafficking in Persons Report: Malaysia*. – USDS Web Portal 15p.
- [24] US Department of State (USDS) (2022): *Trafficking in Persons Report July 2022*. – USDS Web Portal 636p.